

SULIT

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 26 November 2015 (Khamis)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Perdana Menteri menyatakan perubahan dasar Kerajaan terhadap Perjanjian Malaysia memandangkan tuntutan bagi autonomi Sabah dan Sarawak semakin meningkat. Apakah hak dan keperluan dua negeri yang dikenal pasti telah diabaikan.

SULIT

SULIT

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan mana-mana negeri di Malaysia ini, termasuklah Sabah dan Sarawak. Dalam setiap agenda pembangunan negara, Kerajaan akan memastikan pembangunan di setiap negeri berdasarkan keperluan semasa. Sebagai contoh, pembinaan Lebuh raya Pan-Borneo yang merentasi Sabah dan Sarawak yang sedang giat dilaksanakan kini menunjukkan bahawa pembangunan Sabah dan Sarawak tidak pernah Kerajaan abaikan.

Malah, semasa merasmikan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Jalur Gemilang 2015 di Kuching pada bulan Ogos yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa lebih banyak kuasa pentadbiran membabitkan jabatan dan agensi persekutuan bakal diberikan kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha merangsangkan pembangunan di kedua-dua negeri ini.

SULIT